



CAD/MR/2024 – 76

**SIARAN MEDIA***Kuala Lumpur, 17 Oktober 2024***SC dan Khazanah Jalin MoU untuk Memangkin Akses MTC ke Pasaran Modal***Jumlah permulaan sebanyak RM500 juta untuk memangkin pertumbuhan MTC melalui Dana Impak Khazanah*

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) melalui Dana Impak untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dan menyesuaikan pasaran modal untuk syarikat peringkat pertengahan Malaysia (MTC) bagi merangsang pertumbuhan dan pengembangan.

MoU itu menyokong "Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC" SC iaitu 'Memangkin Akses MSME dan MTC ke Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028)'.

Pengerusi SC Dato' Mohammad Faiz Azmi memberi penghargaan kepada komitmen Khazanah dalam menyokong pertumbuhan dan pengembangan MTC. "Kami menghargai sokongan Khazanah terhadap Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC serta matlamat jangka panjang SC untuk memastikan ekosistem pengumpul dana pasaran modal yang lebih inklusif dan holistik."

"MTC merupakan penyedia peluang pekerjaan domestik yang penting dan penyumbang kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, mereka telah dikenal pasti sebagai '*missing middle*', kerana sering menghadapi kesukaran untuk mengakses pembiayaan untuk pertumbuhan. MoU ini akan menangani cabaran sedemikian untuk memastikan pertumbuhan dan daya tahan yang mampan," katanya.

MTC merangkumi kurang daripada 2% firma di Malaysia tetapi menyumbang 36% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dan 16% kepada peluang pekerjaan. Ini menjadikan mereka pemacu penting kepada ekonomi Malaysia serta berpotensi menjadi sumber permintaan pasaran modal.

Pengarah Urusan Khazanah Dato' Amirul Feisal Wan Zahir berkata mereka komited untuk memperkasakan syarikat Malaysia dan MTC dengan menyediakan peluang yang mereka diperlukan untuk berjaya.



Khazanah, melalui Dana Impak yang merupakan tonggak utama di bawah strategi Memajukan Malaysia, telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta dana permulaan untuk menyediakan pembiayaan kepada MTC. Pembiayaan ini akan disalurkan kepada MTC yang berpotensi tinggi melalui pasaran persendirian, sama ada ekuiti persendirian atau dana kredit persendirian, memastikan akses yang lebih besar kepada modal.

“Salah satu tunjang utama rangka kerja Khazanah iaitu *“A Nation that Creates”*, ialah dalam memacu industri dan bakat yang bersedia untuk masa hadapan, dengan tumpuan kepada transformasi firma pelbagai saiz bagi meningkatkan penciptaan nilai, sambil memperkukuh produktiviti negara dan daya saing di peringkat global. Objektifnya juga adalah untuk menubuhkan syarikat Malaysia yang terus mencipta dan berinovasi, dengan momentum pertumbuhan dan daya tahan ekonomi yang berterusan. Kami berharap kerjasama dengan SC ini dapat menyokong MTC supaya berada pada kedudukan yang kukuh untuk memberi sumbangan besar kepada negara,” katanya.

Melalui kerjasama bersama, MoU itu akan memberi tumpuan kepada langkah-langkah untuk menyokong fasa pertumbuhan dan inovasi MTC akan datang, dan program dan inisiatif bersama untuk meningkatkan kesedaran dan akses mereka kepada pasaran modal. Ini termasuk:

- Inkubasi pengumpulan dana untuk sebanyak 60 - 100 MTC untuk meningkatkan kesediaan pasaran modal
- Program pembinaan kapasiti MTC khusus untuk meningkatkan daya saing MTC dan kapasiti inovatif
- Pelaburan tertumpu MTC yang lebih besar untuk memacu segmen pertumbuhan ini

Di bawah MOU ini, Khazanah juga akan melaksanakan program pembinaan kapasiti dengan rakan kongsi utama seperti SC untuk memacu peningkatan produktiviti dan membuka peluang baharu dalam perniagaan, inovasi dan pembiayaan termasuk penyelesaian pembiayaan berasaskan pasaran.

Matlamatnya adalah untuk membina rangkaian kukuh MTC yang bersedia memasuki pasaran modal, termasuk meningkatkan kemahiran kumpulan MTC terpilih mengenai keperluan pengumpulan dana melalui program Elevate oleh sekutu SC Capital Markets Malaysia, serta memperkukuh keupayaan inovasi pertumbuhan mereka.

Inisiatif ini adalah selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju PMKS dan MTC<sup>1</sup> serta program GEAR-uP<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Hasil utama daripada Pelan Hala Tuju ini adalah untuk meningkatkan pengumpulan dana dalam pasaran modal PMKS dan MTC kepada RM40 bilion pada tahun 2028.

<sup>2</sup> GEAR-uP ialah program lima tahun bernilai RM120 bilion oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk melabur dalam industri “bernilai tinggi dan berpotensi tinggi” seperti peralihan tenaga dan pembuatan.



## **SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA**

## **KHAZANAH NASIONAL BERHAD**

---

**Pihak Media** boleh menghubungi Jabatan Hal Ehwal Korporat di talian +6012 2072787 (Delyana Nordin), +6019 434 8707 (Aina Farhani), atau e-mel: [cau@seccom.com.my](mailto:cau@seccom.com.my).

---

### **Mengenai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia:**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sebuah badan berkanun yang melapor kepada Menteri Kewangan, ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Ia merupakan agensi kawal selia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung untuk menyelia dan memantau aktiviti institusi pasaran, termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia semua individu yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Maklumat lanjut mengenai SC boleh didapati di laman sesawangnya di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my). Ikuti SC di saluran media sosial kami @SecComMalaysia untuk maklumat lanjut.

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad:**

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).